

No. Sebut harga : **ANM/KD(S)129**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Toyota Fortuner	KCH 6334	1	RM8,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **01 November 2022 hingga 07 November 2022** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengahari** di **Tempat Letak Kenderaan Bawah Tanah, Zon C, Wisma Persekutuan Anak Bukit.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **ANM/KD(S)129** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar, Kedah.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **09 November 2022 (Rabu), jam 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

KEW.PA-27

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh berhubung dengan pihak urus setia di talian berikut:-

- i. Pn. Zuraiza binti Jamalluddin - 04-7001010
- ii. Pn. Zuriani binti Ahmad - 04-7001000 ext : 176
- iii. Pn. Yuhaniza binti Mohd Yusof - 04-7001000 ext : 175



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar, Kedah.

Tarikh: **30/10/2022**

Cap: **MOHD AMRAN BIN ABD. GHANI C.A.(M)**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.